

Saiz A5

قَوْاعِدُ فِي الْبِدْعَةِ

Kaedah-Kaedah Dalam Memahami Bid`ah

Penjelasan oleh:

Tuan Hassan bin Tuan Lah

Disusun oleh:

Mohd Adli bin Abd Khalim

قواعدُ فِي الْبَدْعَةِ

Kaedah-Kaedah Dalam Memahami Bid`ah

Penjelasan oleh:

Tuan Hassan bin Tuan Lah

Disusun oleh:

Mohd Adli bin Abd Khalim



Universiti Islam Telegram Online

Hak Cipta:

Buku ini adalah waqaf pihak UiTO

kepada seluruh umat Islam.

Dianjurkan untuk menyeapkannya, dan
mencetaknya dengan sebarang alat percetakan.

Dilarang plagiat, dan dilarang meniagakannya
tanpa izin bertulis daripada penulis.

Kandungan



Kandungan

| | |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------|
| Pengenalan | 8 |
| Biodata THTL | 13 |
| Definisi Bid`ah dan Kaedah-Kaedah untuk Memahaminya | 16 |
| Kaedah 1: Asal dalam ibadah adalah dilarang, asal dalam adat kebiasaan adalah mubah | 20 |
| Kaedah 2: Bid`ah hasanah tidak wujud dalam syara`, bahkan semua bid`ah adalah sesat | 25 |
| Kaedah 3: Semua bid`ah adalah haram, tiada bid`ah yang makruh | 33 |
| Kaedah 4: Bersederhana dalam (melakukan) Sunnah lebih baik daripada keterlaluan dalam melakukan bid`ah | 36 |
| Kaedah 5: Niat yang baik tidak menghapuskan amalan bid`ah | 41 |

| | |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| Kaedah 6: Jika berlaku perselisihan sama ada sesuatu amalan bid`ah atau tidak, pilihan terbaik adalah ditinggalkan amalan tersebut | 44 |
| Kaedah 7: Tersebar luasnya sesuatu ibadah di kalangan manusia bukanlah dalil bahawa ia disyari`atkan, kecuali dengan dalil juga ... | 47 |
| Kaedah 8: Pada asalnya, melakukan tambahan dalam ibadah tidak merosakkan keseluruhan ibadah tersebut | 50 |
| Kaedah 9: Ibadah yang disebutkan secara mutlak tidak boleh diikat dengan masa, tempat, sifat atau bilangan tertentu | 54 |
| Kaedah 10: Ibadah yang tsabit atas sifat tertentu, tidak boleh difokuskan kepada bahagian tertentu, dan tidak melakukan kesemuanya adalah bid`ah | 57 |
| Kaedah 11: Tidak disyari`atkan penggunaan teknik-teknik baru dalam menyeru manusia untuk beribadah kepada Rabb mereka | 60 |

| | |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| Kaedah 12: Amalan ibadah yang dilakukan oleh Sahabat Nabi ﷺ merupakan ibadah yang disyari`atkan, dan tidak dianggap sebagai bid`ah | 65 |
| Kaedah 13: Melakukan ibadah tidak dalam sifat atau sebab ia disyari`atkan, maka menjadi bid`ah | 68 |
| Kaedah 14: Tidak disyari`atkan beribadah dengan perkara yang harus (mubah) | 71 |
| Kaedah 15: Mashlahah mursalah bukanlah bid`ah | 75 |
| Kaedah 16: Tidak semua pelaku bid`ah secara automatik menjadi ahli bid`ah | 79 |
| Kesimpulan | 82 |
| Rujukan | 85 |

Pengenalan



Pengenalan

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِنَّ الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ،
وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا،
مَنْ يَهْدِي اللَّهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ، وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَا هَادِيَ لَهُ،
أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ

Sesungguhnya pujian hanya bagi Allah. Kita memuji-Nya, meminta pertolongan kepada-Nya dan keampunan daripada-Nya. Kita berlindung dengan Allah daripada kejahatan diri kita dan keburukan amalan perbuatan kita. Sesiapa yang diberi petunjuk oleh Allah, tiada yang dapat menyesatkannya. Dan sesiapa yang disesatkan, tiada yang dapat memberikan petunjuk kepadanya. Aku bersaksi bahawa tiada Ilah (yang layak disembah) melainkan Allah yang Maha Esa, tiada sekutu bagi-Nya. Dan aku

bersaksi bahawa Muhammad adalah hamba-Nya dan Rasul-Nya.

إِنَّ أَصْدَقَ الْحَدِيثِ كِتَابُ اللَّهِ، وَأَحْسَنَ الْهَدْيِ هَدْيُ
مُحَمَّدٍ، وَشَرَّ الْأُمُورِ مُحْدَثَّةٌ، وَكُلُّ مُحْدَثَّةٍ بِدُعَةٍ، وَكُلُّ
بِدُعَةٍ ضَلَالٌ.

Sesungguhnya sebenar-benar perkataan Kitabullah. Sebaik-baik petunjuk petunjuk Muhammad ﷺ. Seburuk-buruk perkara adalah yang diada-adakan. Semua perkara yang diada-adakan adalah bid`ah. Dan semua bid`ah adalah sesat.

Amma ba`d...

BID`AH!

Bid`ah merupakan satu ancaman kepada ketulenan agama Islam yang dibawa oleh Rasulullah ﷺ, bahkan banyak sekali riwayat yang sampai kepada kita tentang ancaman baginda dan para sahabat baginda supaya umat Islam menjauhi bid`ah.

Sangat menghairankan apabila masih ada segelintir umat Islam yang masih membela dan

mempertahankan bid'ah. Pelbagai salah faham yang sengaja mereka sebarkan, antaranya:

- `Umar Al-Khattab mengatakan sebaik-baik bid'ah adalah solat tarawih berjama'ah.
- Imam Asy-Syafi'i membahagikan bid'ah kepada dua jenis.
- Kalau semua yang baru sesat, kita kena naik unta.
- Apa salahnya, ini benda baik, bukannya maksiat.
- Ramai orang buat amalan ini, takkan semua masuk neraka?

Salah faham seperti ini akan mengelirukan orang awam, lebih-lebih lagi apabila ungkapan seperti ini terbit daripada bibir seseorang yang bergelar "ustaz".

Namun, para 'ulama' telah bertungkus-lumus membuat garis panduan dalam usaha memberikan pemahaman kepada umat Islam tentang erti bid'ah yang sebenarnya.


Antaranya, Maulana Zakariyya Al-Pakistani yang telah menyenaraikan 26 kaedah untuk memahami bid'ah dalam kitabnya, Taudhibh Ushul Al-Fiqh 'ala Manhaj Ahl Al-Hadits.

Sebanyak 16 kaedah yang telah dipilih oleh guru kami, Tuan Hassan Tuan Lah (lebih dikenali sebagai THTL), dan beliau juga telah memberikan penjelasan ringkas serta contoh-contoh yang berlaku dalam realiti umat Islam di Malaysia.

Diharapkan para pembaca dapat memahami kesemua kaedah tersebut, dan seterusnya dapat mengenal pasti dan menjauhi amalan-amalan yang termasuk dalam kategori bid`ah.

Semoga penjelasan ringkas ini dapat memberikan manfaat sebanyak mungkin kepada kaum muslimin. Dan semoga Allah ﷺ senantiasa merahmati dan memberikan ganjaran yang sebaik-baiknya kepada semua yang terlibat dalam penghasilan dan penyebaran buku ringkas ini. Amin ya Rabb Al-'Alamin.

Penyusun:
Mohd Adli bin Abd Khalim



Biodata
THTL

Biodata THTL

Nama: Tuan Hassan Tuan Lah @ Abdullah, akronim: Abu Syaima' dan thtl al-jazani

Asal: Peringat, Kelantan Darul Naim

Pendidikan:

- SDAR Seremban
- Dip. (UiTM) Plantation Mgmt
- BBA (Mgmt)(USA:Michigan)
- MBA (USA: Iowa) Mgmt.

Pekerjaan: Juruperunding Pembangunan Akademik (Kualiti dan Akreditasi) dengan Universiti Jazan, Arab Saudi bermula sejak 2012.

Guru-guru beliau:

1. Dato' Kaya Bakti Ustaz Dahlan Muhammad Zain (Ahli Majlis Fatwa Perlis).
2. Ustaz Ahmad bin Jusoh (Ahli Majlis Agama Islam Perlis).
3. Ustaz Abdul Hadi Othman (Ahli Majlis Fatwa Perlis).
4. Dr. Mohd Asri Zainul Abidin (Mufti Kerajaan Negeri Perlis).

5. Dr. Tareq Shweiden, Kuwait.
6. Dr. Muhammad Al-Khudary, `Arab Saudi.
7. Syaikh Zaid Al-Madkhali (Darul Hadith Samthah, Jizan).
8. Ustaz Adlan Abdul Aziz.
9. Ustaz Anwarudin Abdul Wahab.
10. Datuk Dr. Mujahif Yusuf Rawa (MP Parit Buntar).
11. Ustaz Ahmad Zainal Abidin (pensyarah MMU, Melaka).

Testimoni:

1. Imam & Khatib, Masjid ITM Arau.
2. Imam & Khatib, UITM Dungun.
3. Imam, Masjid Kalamazoo Islamic Centre, Michigan, USA.
4. Imam & Khatib, Des Moines Islamic Centre, Iowa, USA.
5. Imam & Khatib, Masjid MMU, Melaka.
6. Imam & Khatib, Masjid Telekom Taiping.

Sumbangan di alam cyber:

1. Panel Fiqh bagi msm-net, Islah-net.
2. Panel Fiqh al-Ahkam.net (AAN).
3. Panel Fiqh al-Fikrah.net (AFN).
4. CEO bagi Forum Bersama THTL.
5. Panel U.i.T.O.

Definisi Bid`ah dan Kaerah - Kaerah Untuk Memahaminya

Deifnisi Bid'ah dan Kaedah-Kaedah untuk Memahaminya

Bid'ah (البدعة) dari segi lughawi ialah membuat inovasi yang belum ada contoh sebelumnya.

Sedangkan, bid'ah secara fiqh ialah:

طريقة في الدين مخترعة تضاهي الشرعية،

يقصد بالسلوك عليها المبالغة في التعبد لله

سبحانه

Jalan yang direka dalam agama, yang menyerupai syari`ah, tujuan mengamalkannya untuk berlebihan dalam mengabdikan diri kepada Allah ﷺ.

Bid'ah merupakan inovasi dalam agama atau ibadah, sedangkan inovasi dan kreativiti dalam urusan kehidupan dunia tidak termasuk dalam kategori bid'ah.

Untuk memahami bid'ah, terdapat 16 kaedah fiqh untuk memudahkan anda memahami selok-belok

bid`ah dan tidak mudah ditipu oleh golongan pencetus bid`ah, iaitu:

1. Asal dalam urusan ibadah adalah larangan, asal dalam urusan adat kebiasaan manusia adalah harus.
2. Bid`ah hasanah tidak wujud dalam syara`, bahkan semua bid`ah adalah sesat.
3. Semua bid`ah adalah haram, tiada bid`ah yang makruh.
4. Bersederhana dalam (melakukan) Sunnah lebih baik daripada keterlaluan dalam melakukan bid`ah.
5. Niat yang baik tidak menghapuskan amalan bid`ah.
6. Jika berlaku perselisihan sama ada sesuatu amalan bid`ah atau tidak, pilihan terbaik adalah ditinggalkan amalan tersebut.
7. Tersebar luasnya sesuatu ibadah di kalangan manusia bukanlah dalil bahawa ia disyari`atkan, kecuali dengan dalil juga.
8. Pada asalnya, melakukan tambahan dalam ibadah tidak merosakkan keseluruhan ibadah tersebut.
9. Ibadah yang disebutkan secara mutlak tidak boleh diikat dengan masa, tempat, sifat atau bilangan tertentu.
10. Ibadah yang tsabit atas sifat tertentu, tidak boleh difokuskan kepada bahagian tertentu, dan tidak melakukan kesemuanya adalah bid`ah.

11. Tidak disyari`atkan penggunaan teknik-teknik baru dalam menyeru manusia untuk beribadah kepada Rabb mereka.
12. Amalan ibadah yang dilakukan oleh Sahabat Nabi ﷺ merupakan ibadah yang disyari`atkan, dan tidak dianggap sebagai bid`ah.
13. Melakukan ibadah tidak dalam sifat atau sebab ia disyari`atkan, maka menjadi bid`ah.
14. Tidak disyari`atkan beribadah dengan perkara yang harus (mubah).
15. Mashlahah mursalah bukanlah bid`ah.
16. Tidak semua pelaku bid`ah secara automatik menjadi ahli bid`ah.



Kaedah Pertama

الأصل في العبادات المنع،
وفي العادات الإباحة

Asal dalam ibadah adalah dilarang,

Asal dalam adat kebiasaan adalah mubah

Kaedah Pertama:
Asal dalam ibadah adalah dilarang,
asal dalam adat kebiasaan adalah mubah.

Dalil untuk kaedah ini:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:
مَنْ أَحْدَثَ فِي أَمْرِنَا هَذَا مَا لَيْسَ مِنْهُ فَهُوَ رَدٌّ

Daripada `A'isyah radhiyallahu `anha, katanya: Rasulullah ﷺ pernah bersabda: "Sesiapa yang mengada-adakan sesuatu amal yang baru dalam urusan kita ini (agama), yang tiada contoh sebelumnya, maka ia tertolak."⁽¹⁾"

Menurut Ibn Taymiyah⁽²⁾ rahimahullah:

Ibadah yang disyari`atkan tidak tsabit melainkan apa yang diperintahkan, yakni dalil syara`, sama ada melalui Al-Qur'an atau hadits shahih. Ibadah adalah sesuatu yang diperintahkan, maka bagaimana dinamakan

¹ Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (2697), Muslim (1718), Abu Dawud (4606), Ibn Majah (14).

² Ibn Taimiyyah, Majmu` Al-Fatawa (29/16).

ibadah apabila anda melakukannya jika ia tidak tsabit melalui nas?

Sebaliknya kebiasaan manusia atau adat, ia tidak boleh diharamkan melainkan dengan adanya nas yang mencegahnya, kerana larangan juga termasuk syari`at. Maka, suruhan dan larangan semuanya termasuk ibadah. Maka apa juga keperluan manusia, semuanya harus, tidak boleh dilarang kecuali apa yang Allah haramkan.

Kata Imam Ahmad rahimahullah: "Asal ibadah adalah tauqif (berdasarkan nas), tidak boleh disyari`atkan kepada manusia melainkan selepas ia sah syari`at Allah." Dalilnya:

أَمْ لَهُمْ شُرَكَاءُ شَرَعُوا لَهُمْ مِنَ الدِّينِ مَا لَمْ يَأْذَنْ بِهِ
اللَّهُ

Adakah mereka mempunyai sembahansembahan selain Allah yang mensyari`atkan untuk mereka agama yang tidak diizinkan oleh Allah⁽³⁾?

Asal dalam adat pula adalah mubah (harus). Dalilnya:

قُلْ أَرَأَيْتُمْ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ لَكُمْ مِنْ رِزْقٍ فَجَعَلْتُمْ مِنْهُ حَرَامًا
وَحَلَالًا قُلْ آللَهُ أَذِنَ لَكُمْ أَمْ عَلَى اللَّهِ تَفْتَرُونَ

³ Surah Asy-Syura (42), ayat 21.

Katakanlah (wahai Muhammad, kepada kaum yang mengada-adakan sesuatu hukum): "Apa pandangan kalian tentang rezeki yang diturunkan oleh Allah untuk kalian, lalu kalian jadikan sebahagiannya haram, dan sebahagian yang lain halal? Katakanlah lagi (wahai Muhammad, kepada mereka): "Adakah Allah yang mengizinkan kalian (untuk berbuat demikian), atau kalian hanya mengada-adakan atas nama Allah?"⁽⁴⁾"

Maksud ayat, asal dalam adat kebiasaan manusia adalah harus (mubah), dimaafkan dan tidak boleh diharamkan.

RUMUSAN

Daripada kaedah ini, dalam urusan ibadah kita hendaklah tauqif, berdasarkan nas syara` . Kita tidak boleh mereka cipta ibadah yang baru, memadai dengan apa yang tsabit melalui nas.

Contohnya, solat hajat perdana SPM, ini adalah daerah ibadah. Majlis tahlil arwah, majlis bacaan Yasin perdana, majlis "1 Malaysia berselawat", semua ini adalah ibadah yang direka cipta.

⁴ Surah Yunus (10), ayat 59.

Manakala, kreativiti dan inovasi dalam adat kehidupan adalah bebas, dimaafkan, dan tidak diharamkan, kecuali sedikit sahaja.

Contohnya, menaiki penerbangan *Air Asia* atau *Saudia Arabian Airlines* ke Makkah, membesarkan Masjid Al-Haram, memasang penyaman udara di dalam masjid, berkereta ke masjid, menonton ceramah dalam *Youtube*, berda`wah dengan menggunakan Telegram. Semua ini adalah adat kebiasaan manusia yang dimaafkan dan tidak diharamkan.

Kaedah Kedua

ليس في الشرع بدعة حسنة،
بل كل بدعة هي ضلاله

Bid`ah hasanah tidak wujud dalam syara`,
bahkan semua bid`ah adalah sesat

Kaedah Kedua:

Bid`ah hasanah tidak wujud dalam syara`,
bahkan semua bid`ah adalah sesat.

Pengertian Bid`ah:

كُلُّ اعْتِقَادٍ أَوْ لُفْظٍ أَوْ عَمَلٍ أَحَدَثَ بَعْدِ مَوْتِ النَّبِيِّ ﷺ
بِنِيَةً التَّعْبُدِ وَالتَّقْرِبِ، وَلَمْ يَدْلِ عَلَيْهِ الدَّلِيلُ مِنَ الْكِتَابِ
وَلَا مِنَ السَّنَةِ وَلَا إِجْمَاعِ السَّلَافِ

Setiap keyakinan, atau ucapan, atau perbuatan yang diada-adakan selepas kematian Nabi ﷺ dengan niat untuk beribadah dan bertaqarrub, padahal tiada dalil yang menunjukkannya, sama ada daripada Al-Qur'an, As-Sunnah, dan ijma` salaf⁽¹⁾.

Dalil tidak wujudnya bid`ah hasanah:

عَنْ الْعَرِيَاضِ بْنِ سَارِيَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: وَإِيَّاَكُمْ وَمُحْدَثَاتِ الْأُمُورِ، فَإِنَّ كُلَّ مُحْدَثَةٍ
بِدُعَةٍ، وَكُلَّ بِدُعَةٍ ضَلَالٌ

¹ Muhammad Al-Wushabi, Al-Qaul Al-Mufid fi Adillat At-Tauhid, halaman 182.

Daripada Al-'Irbadh bin Sariyah radhiyallahu 'anhу, katanya: Rasulullah ﷺ pernah bersabda: "Hendaklah kalian jauhi perkara-perkara yang baru direka (dalam agama), kerana sesungguhnya setiap perkara yang baru (dalam agama) adalah bid'ah, dan setiap (yakni semua) bid'ah adalah sesat.⁽²⁾"

Kaedah kedua ini menafikan wujudnya istilah "bid'ah hasanah" dari segi syara'. Dalilnya:

عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، قَالَ: كُلُّ بِدْعَةٍ ضَلَالٌ،
وَإِنْ رَأَاهَا النَّاسُ حَسَنَةً

Ibn 'Umar radhiyallahu 'anhuma pernah berkata: "Setiap bid'ah adalah sesat, walaupun manusia melihatnya sebagai hasanah (satu kebaikan).⁽³⁾"

Maka, pembahagian bid'ah kepada bid'ah wajib, bid'ah sunat, bid'ah haram, bid'ah makruh, dan bid'ah harus adalah pembahagian bid'ah yang salah dan bertentangan dengan nas hadits dan kefahaman ahli hadits sejak salaf.

Dalil fuqaha' bahawa di sana wujudnya bid'ah hasanah:

² Diriwayatkan oleh Abu Dawud (4607). Ibn Majah (42). Shahih menurut Syu'aib Al-Arna'uth.

³ Diriwayatkan oleh Al-Lalika'i dalam Syarh Ushul I'tiqad Ahl As-Sunnah wa Al-Jama'ah (1/92). Shahih menurut Al-Albani.

عَنْ جَرِيرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: مَنْ سَنَ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً حَسَنَةً فَلَهُ أَجْرُهَا وَأَجْرُمَنْ عَمِلَ بِهَا بَعْدَهُ مِنْ غَيْرِ أَنْ يَنْقُصَ مِنْ أَجْوَرِهِمْ شَيْءٌ، وَمَنْ سَنَ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً سَيِّئَةً كَانَ عَلَيْهِ وَزْرُهَا وَوَزْرُ مَنْ عَمِلَ بِهَا مِنْ بَعْدِهِ مِنْ غَيْرِ أَنْ يَنْقُصَ مِنْ أَوْزَارِهِمْ شَيْءٌ

Daripada Jarir bin `Abdillah radhiyallahu `anhu, katanya: Rasulullah ﷺ pernah bersabda: "Sesiapa yang merintis (membuat atau meletakkan) jalan yang baik dalam Islam, dia akan memperoleh pahalanya dan pahala orang-orang yang melakukannya selepasnya, tanpa kurang sedikit pun pahala mereka; dan sesiapa yang merintis (membuat atau meletakkan) jalan yang buruk dalam Islam, dia akan menanggung dosanya dan dosa orang-orang yang melakukannya selepasnya, tanpa kurang sedikit pun dosa mereka."⁽⁴⁾"

Hadits di atas bukanlah hujah tentang kewujudan bid`ah hasanah, kerana Nabi ﷺ menyebutkan dengan jelas istilah "sunnah hasanah".

⁴ Diriwayatkan oleh Muslim (1017).

Bagaimana manusia boleh mengubah ungkapan Nabi ﷺ, daripada "sunnah hasanah" kepada "bid`ah hasanah"?

Hadits di atas adalah tentang qabilah Mudhar yang amat dha`if datang ke Madinah, lantas baginda ﷺ naik ke mimbar Masjid An-Nabawi dan berkhutbah, menyeru penduduk Madinah agar membantu dan menderma untuk qabilah tersebut. Apabila para sahabat radhiyallahu `anhuma menderma dengan banyaknya, baginda ﷺ gembira dan menyebutkan hadits di atas, dan menyebutnya sebagai sunnah hasanah, yakni tabiat suka menderma kepada orang miskin.

Ada pun atsar 'Umar Al-Khattab radhiyallahu `anhu, ketika beliau mengumpulkan orang ramai untuk solat tarawih secara berjama`ah:

عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: نِعْمَ الْبِدْعَةُ
هَذِهِ

'Umar bin Al-Khattab radhiyallahu `anhu pernah berkata: "Sebaik-baik bid`ah adalah yang ini (orang ramai solat tarawih di belakang seorang imam).⁽⁵⁾"

⁵ Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (2010).

Menurut Ibn Taymiyah⁽⁶⁾ rahimahullah:

Penamaan ini (yakni "bid`ah" yang disebutkan oleh 'Umar ketika beliau melihat orang ramai solat tarawih berjama`ah) adalah dari segi bahasa, bukan dari segi syara'. Ini kerana bid`ah dari segi bahasa boleh merangkumi semua perkara yang tiada contoh sebelumnya.

Menurut Ibn Rajab Al-Hanbali⁽⁷⁾ rahimahullah:

Memang terdapat 'ulama' salaf yang menyandarkan hasanah kepada sebahagian bid`ah, namun sebenarnya mereka merujuk kepada bid`ah lughawiyah (dari segi bahasa), bukannya bid`ah syar'iyyah (dari segi syara').

Ada pun atsar Ibn Mas`ud radhiyallahu `anhу:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: فَمَا رَأَهُ
الْمُسْلِمُونَ حَسَنًا فَهُوَ عِنْدَ اللَّهِ حَسَنٌ

Daripada Ibn Mas`ud radhiyallahu `anhу, katanya: "Apa sahaja yang dipandang baik oleh orang Islam, maka baiklah di sisi Allah."⁽⁸⁾"

⁶ Ibn Taimiyyah, Iqtidha' Ash-Shirath Al-Mustaqim (2/593).

⁷ Ibn Rajab, Al-Jami` Al-'Ulum wa Al-Hikam, halaman 597.

⁸ Diriwayatkan oleh Ath-Thabarani dalam Al-Mu`jam Al-Ausath (3602). Hasan menurut Ibn Hajar Al-'Asqalani.

Maksudnya, sekiranya orang Islam membuat bid`ah hasanah, maka hasanah juga di sisi Allah.

Menurut Ibn Qayyim Al-Jauziyyah⁽⁹⁾ rahimahullah:

Ini menjadi dalil bahawa apa yang telah ijma` di kalangan umat Islam sebagai hasanah, bukan sebahagian umat Islam. "

Menurut Al-Albani⁽¹⁰⁾ rahimahullah:

Pertama, riwayat ini mauquf (terhenti) kepada Ibn Mas`ud, dan mauquf bukan hujah syara`.

Kedua, kata-kata Ibn Mas`ud ini bermaksud ijma` sahabat dalam beberapa perkara, bukan semua perkara. Kata-kata ini juga merujuk kepada al-muslimun (kata nama khas), yakni 'ulama' atau orang Islam yang berilmu, bukan semua muslimin yang jahil.

Antara contoh ijma` para sahabat yang dimaksudkan oleh Ibn Mas`ud adalah kisah ijma` para sahabat tentang Abu Bakar radhiyallahu `anhу sebagai khalifah yang pertama. Inilah yang dimaksudkan dengan apa yang dipandang baik oleh orang Islam.

⁹ Ibn Qayyim Al-Jauziyyah, Al-Furusiyah Al-Muhammadiyyah, halaman 238.

¹⁰ Al-Albani, Silsilah Al-Ahadits Adh-Dha`ifah wa Al-Maudhu`ah (2/17-18).

Maksudnya, apa yang para sahabat Nabi ﷺ berijtihad tentangnya, maka ia menjadi bid`ah hasanah dari sudut lughawi.

Contoh, dalam kes memilih Abu Bakar radhiyallahu `anhу sebagai pengganti atau khalifah pertama. Ini adalah bid`ah hasanah, kerana tiada contoh sebelumnya. Ini menjadi bid`ah hasanah kerana semua sahabat atau penduduk Madinah bersetuju dengan proses pelantikan Abu Bakar tersebut.

RUMUSAN

Tiada istilah "bid`ah hasanah", kerana semua bid`ah itu sesat. Jika "bid`ah hasanah" disebut oleh 'ulama' salaf, itu bermaksud "bid`ah" dari segi lughawi atau bahasa sahaja

Apa yang dinamakan sebagai hasanah di zaman salaf bermaksud ijma` mereka dalam beberapa isu, bukan dalam semua isu.

Kaedah Ketiga

البدع كلها محرمة،
وليس فيها ما هو مكروه

Semua bid'ah adalah haram,
tiada bid'ah yang makruh

Kaedah Ketiga:
Semua bid'ah adalah haram,
tiada bid'ah yang makruh.

Kaedah ini adalah untuk menjawab isu adanya fuqaha' yang mengatakan wujudnya bid'ah yang berstatus makruh.

Makruh bermaksud tidak berdosa melakukannya dan diberi pahala meninggalkannya. Ini yang kita fahami selama ini.

Namun, apabila dikatakan wujudnya bid'ah yang makruh, ini merupakan kenyataan yang pelik.

Bagaimana bid'ah boleh dilakukan sedangkan semuanya sesat dan haram? Ikuti penjelasan Al-Albani rahimahullah.

Menurut Al-Albani⁽¹⁾ rahimahullah:

Bid'ah yang kecil sekali pun, sekiranya terbukti memang bid'ah, maka ia adalah haram.

¹ Al-Albani, Hajjat An-Nabi ﷺ, halaman 103.

Tidak wujud bid`ah yang makruh seperti yang dikatakan segelintir orang.

Asy-Syathibi rahimahullah pernah membahagikan bid`ah kepada bid`ah yang haram dan yang makruh, namun apakah yang dimaksudkannya?

Menurut Asy-Syathibi, bid`ah yang haram di sisinya ialah makruh tahrim, iaitu makruh yang amat hampir kepada haram⁽²⁾.


Antara contoh bid`ah makruh adalah menghiasi masjid dengan emas dan perak, menghiasi percetakan Al-Qur'an.

² Maulana Zakariya Al-Pakistani, Taudhibh Ushul Al-Fiqh `ala Manhaj Ahl As-Sunnah, halaman 318.

Kaedah Keempat

اقتصاد في سنة خير من اجتهاد في بدعة

Bersederhana dalam (melakukan) sunnah,
lebih baik daripada keterlaluan dalam
melakukan bid'ah



Kaedah Keempat:

Bersederhana dalam (melakukan) sunnah lebih baik daripada keterlaluan dalam melakukan bid'ah.

Dalil untuk kaedah ini:

عَنْ ابْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: أَقْتِصَادٌ فِي سُنْنَةٍ
خَيْرٌ مِنْ اجْتِهَادٍ فِي بِدْعَةٍ

Daripada Ibn Mas'ud radhiyallahu 'anhu, katanya: "Bersederhana dalam mengerjakan sunnah lebih baik daripada keterlaluan dalam melakukan bid'ah."⁽¹⁾"

Sedikit dalam mengerjakan sunnah yang shahih lebih baik daripada banyak amalan, tetapi ianya bid'ah.

عَنِ ابْنِ الْمُسَيْبِ، أَنَّهُ رَأَى رَجُلًا يُكَرِّرُ الرُّكُوعَ بَعْدَ طُلُوعِ
الْفَجْرِ فَنَهَاهُ، فَقَالَ: "يَا أَبَا مُحَمَّدٍ! أَيُعَذِّبُنِي اللَّهُ عَلَى
الصَّلَاةِ؟" قَالَ: "لَا، وَلَكِنْ يُعَذِّبُكَ عَلَى خِلَافِ السُّنْنَةِ"

Daripada Ibn Al-Musayyab (yakni Sa'id Al-Musayyab), bahawa beliau pernah melihat seorang

¹ Diriwayatkan oleh Ad-Darimi (223). Isnadnya jayyid menurut Husain Salim Asad.

lelaki mengulangi ruku⁽²⁾ selepas terbitnya fajar, lalu beliau menghalangnya. Lelaki tersebut bertanya: "Wahai Abu Muhammad! Adakah Allah akan mengazabku kerana solat?" Jawab Sa`id: "Tidak! Tetapi Allah akan mengazab engkau kerana menyelisihi sunnah.⁽³⁾"

Maksud atsar Ibn Musayyab adalah perbuatan lelaki tersebut menyalahi sifat solat sunat Fajar Nabi ﷺ, yang mana baginda hanya mengerjakan solat 2 raka`at, sedangkan ruku` dan sujud baginda dalam solat tersebut biasa-biasa sahaja (tidak terlalu panjang).

Lelaki tersebut ingin mendahului Nabi ﷺ dengan melakukan lebih daripada dua raka`at dan sujud yang lebih lama daripada sujud Nabi.

Dengan kata lain, solatlah sebagaimana Nabi ﷺ solat. Jangan berlebihan, nanti akan jadi bid`ah.

² Dalam sebahagian riwayat, disebutkan bahawa lelaki tersebut solat sunat qabliyyah Fajar lebih daripada 2 raka`at, dan ini bercanggah dengan sunnah Rasulullah ﷺ.

³ Diriwayatkan oleh `Abd Ar-Razzaq (4755). Shahih menurut Al-Albani.


عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ الضَّحَّاكِ: أَنَّ رَجُلًا جَاءَ إِلَى مَالِكِ بْنِ أَنَّسٍ، فَقَالَ: مِنْ أَيْنَ أَحْرَمَ؟ فَقَالَ: مِنِ الْمِيقَاتِ الَّتِي وَقَتَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَحْرَمَ مِنْهُ، فَقَالَ الرَّجُلُ: فَإِنْ أَحْرَمْتُ مِنْ أَبْعَدَ مِنْهُ؟ فَقَالَ مَالِكٌ: لَا أَرَى ذَلِكَ، فَقَالَ: مَا تَكْرِهُ مِنْ ذَلِكَ؟ قَالَ: أَكْرِهُ عَلَيْكَ الْفِتْنَةَ، قَالَ: وَأَيُّ فِتْنَةً فِي ازْدِيادِ الْخَيْرِ؟ فَقَالَ مَالِكٌ: فَإِنَّ اللَّهَ تَعَالَى يَقُولُ: (فَلْيَحْذَرِ الَّذِينَ يُخَالِفُونَ عَنْ أَمْرِهِ أَنْ تُصِيبَهُمْ فِتْنَةً أَوْ يُصِيبَهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا) وَأَيُّ فِتْنَةٍ أَكْبُرُ مِنْ أَنَّكَ حُصِّنْتَ بِفَضْلِ لَمْ يَخْصُ بِهِ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ!

Daripada Muhammad bin Adh-Dhahhak: Seorang lelaki datang berjumpa Malik bin Anas, lalu bertanya: "Dari mana aku patut berihram?" Lalu Malik menjawab: "Dari tempat yang ditetapkan oleh Rasulullah ﷺ, dan tempat baginda berihram darinya. Lalu lelaki itu bertanya lagi: "Sekiranya aku berihram lebih jauh dari tempat itu?" Jawab Malik: "Aku tidak berpendapat sedemikian." Lelaki itu bertanya lagi: "Kenapa engkau benci hal tersebut?" Jawab Malik: "Aku khuatir akan terjadi fitnah terhadapmu." Lelaki itu bertanya: "Fitnah apa yang ada dalam menambah kebaikan?" Malik menjawab: "Sesungguhnya Allah Ta'ala pernah berfirman: (...

Hendaklah orang yang menyelisihi urusan Rasulullah ﷺ berhati-hati akan ditimpakan kepada mereka fitnah atau akan ditimpakan kepada mereka azab yang pedih⁽⁴⁾...) Dan fitnah apakah yang lebih besar daripada engkau mengkhususkan suatu keutamaan untukmu yang tidak pernah dicontohkan oleh Rasulullah ﷺ!⁽⁵⁾"

⁴ Surah An-Nur (24), ayat 63.

⁵ Abu Syamah, Al-Ba`its `ala Inkar Al-Bida` wa Al-Hawadits, halaman 90.



Kaedah Kelima

النية الحسنة لا تخرج الشيء المحدث عن
كونه بدعة بتلك النية الحسنة

Niat yang baik

tidak menghapuskan amalan bid'ah

Kaedah Kelima:

Niat yang baik tidak menghapuskan amalan bid'ah.

Hadits yang berkaitan:

عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: سَمِعْتُ
رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ: إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ

Daripada 'Umar bin Al-Khattab radhiyallahu 'anhу, katanya: Aku mendengar Rasulullah ﷺ pernah bersabda: "Sesungguhnya setiap amalan berdasarkan niat.⁽¹⁾"

Maksud hadits ini adalah niat tidak menghalalkan semua amalan, akan tetapi hanya amalan yang ada nas daripada Al-Qur'an dan As-Sunnah sahaja.

Menurut Ibn 'Ajlan rahimahullah⁽²⁾:

Tidak sah sesuatu amalan melainkan dengan tiga perkara; (1) taqwa kepada Allah, (2) niat yang baik, dan (3) mengikuti sunnah.

¹ Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (1), Muslim (1907), Abu Dawu d (2201), Ibn Majah (4227), At-Tirmidzi (1647), An-Nasa'i (75).

² Ibn Rajab, Al-Jami` Al-'Ulum wa Al-Hikam, halaman 42.

Terdapat kisah Ibn Mas`ud radhiyallahu `anhu yang melihat sekumpulan orang Islam duduk dalam masjid berzikir secara berjama`ah sambil menghitung zikir mereka dengan batu kerikil. Kata Ibn Mas`ud:

وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ، إِنَّكُمْ لَعَلَىٰ مِلَّةٍ هِيَ أَهْدَى مِنْ مِلَّةِ
مُحَمَّدٍ، أَوْ مُفْتَحُو بَابِ ضَلَالٍ، قَالُوا: وَاللَّهِ يَا أَبَا عَبْدِ
الرَّحْمَنِ! مَا أَرَدْنَا إِلَّا الْخَيْرَ، قَالَ: وَكَمْ مِنْ مُرِيدٍ لِلْخَيْرِ لَنْ
يُصِيبَهُ

"Demi Dzat yang diriku dalam genggamannya, adakah kalian mendapat lebih hidayah daripada Muhammad, atau kalain membuka pintu (bid`ah) kesesatan?" Mereka menjawab: "Demi Allah, wahai Abu `Abd Ar-Rahman! Kami hanya ingin kebaikan." Jawab Ibn Mas`ud: "Berapa ramai orang yang inginkan kebaikan, tapi tidak mendapatkannya.⁽³⁾"


Berdasarkan atsar ini, Ibn Mas`ud menolak zikir jama`i dan menghitung zkir dengan anak batu (sekarang biji tasbih) walau pun niat mereka adalah untuk beribadah. Ini kerana niat baik tidak mengubah amalan bid`ah.

³ Riwayat Ad-Darimi (210). Isnadnya jayyid menurut Husain Salim Asad.

Kaedah Keenam

الاختلاف في فعل ما هل هو بدعة أم لا،
يسوغ العمل به بسبب ذلك الاختلاف

Jika berlaku perselisihan sama ada sesuatu amalan bid'ah atau tidak, pilihan terbaik adalah ditinggalkan amalan tersebut



Kaedah Keenam:

Jika berlaku perselisihan sama ada sesuatu amalan bid'ah atau tidak, pilihan terbaik adalah ditinggalkan amalan tersebut.

Apabila kita dapati wujudnya perselisihan 'ulama' dalam menentukan status sesuatu amalan; sebahagian mereka menyatakan ia sunnah atau harus, dan sebahagian lagi menyatakan ia bid'ah, maka jangan diamalkan amalan yang diperselisihkan itu.

Sebaliknya, hendaklah berpegang kepada pendapat 'ulama' muhaqqiqin, yakni 'ulama' yang memiliki hujah dan dalil daripada Al-Qur'an, As-Sunnah, dan amalan para salaf.

Contohnya, beribadah pada malam Nisfu Sya`ban, membaca Yasin pada malam Jumaat, solat hajat perdana, membaca Yasin kepada orang yang nazak, membaca Al-Qur'an di kuburan, kenduri arwah, dan sebagainya.

Semuanya terdapat banyak pendapat dalam menetapkan status masing-masing. Sewajarnya kita jauhi daripada melakukannya dan kita berpegang kepada pendapat para muhaqqiqin.

Menurut Ibn Taimiyyah⁽¹⁾ rahimahullah:

Tidak patut seseorang berhujah dengan pendapat seseorang 'ulama' dalam masalah yang diperselisihkan.

Sebaliknya, hujah yang perlu dipegang adalah nas, ijma', dan dalil yang diiustinbathkan daripada nas dan ijma'. Pendapat 'ulama' hanya boleh dipegang apabila disokong oleh dalil-dalil syara'.

Maka, dalam masalah yang sering menjadi isu di Malaysia, mereka sebenarnya tidak bersandarkan nas, melainkan kerana faktor-faktor lain. Majoriti melakukannya kerana taksub kepada 'ulama' tersebut, kemudian mereka melabelkan puak yang memiliki hujah sebagai "Wahhabi."

RUMUSAN

Jangan beramal dengan amalan yang diperselisihkan statusnya oleh para 'ulama', sama ada bid'ah atau sunnah atau harus.

Jalan keluarnya adalah berpegang kepada 'ulama' yang membahaskan khilaf tersebut yang memiliki hujah dan dalil syara'.

¹ Ibn Taimiyyah, Majmu` Al-Fatawa (26/202).



Kaedah Ketujuh

شیوع عبادۃ ما وانتشارها بین الناس
لا یدل ذلك على مشروعیتها إلا بدلیل

Tersebar luasnya sesuatu ibadah di kalangan
manusia bukanlah dalil bahawa ia
disyari`atkan, kecuali dengan dalil juga

Kaedah Ketujuh:

Tersebar luasnya sesuatu ibadah di kalangan manusia bukanlah dalil bahawa ia disyari`atkan, kecuali dengan dalil juga.

Ramai orang dalam negara melakukan sesuatu ibadah, bahkan digazet oleh majlis agama negeri tidaklah membuktikan bahawa sesuatu amalan itu ibadah yang disyari`atkan.

Ini kerana ibadah atau amalan agama tidak tsabit dengan ramainya orang melakukannya, atau dengan popularnya di kalangan masyarakat.

Sering kali kita dengar: "Amalan atau ibadah ini sudah dilakukan sejak turun temurun oleh bangsa kita...", atau "Amalan ini telah disahkan oleh ramai 'ulama' termasuk 'ulama' dari Pathoni dan Indonesia..."

Menurut Abu Bakar Ath-Turthusi⁽¹⁾ rahimahullah:

Tersebar luasnya suatu amalan bid`ah dalam masyarakat awam tidaklah menjadi dalil

¹ Ath-Thurthusi, Al-Hawadits wa Al-Bida`, halaman 71.

harus untuk melakukannya. Begitu juga tersembunyinya suatu amalan tidak menjadi dalil untuk tidak mengamalkannya.

Maksud Ath-Thurthusi adalah amalan popular yang dilakukan oleh masyarakat bukanlah dalil untuk kita melakukannya. Sedangkan, sunnah yang ditinggalkan oleh masyarakat pula bukanlah dalil untuk kita tidak beramal dengan sunnah tersebut.

Contohnya, amalan paling popular iaitu tahlil arwah, merupakan satu amalan yang popular sehingga masuk ke dalam istana. Namun, itu bukanlah dalil syara` bahawa tahlil arwah merupakan ibadah yang sunnah.

Manakala, masyarakat yang meninggalkan ibadah i'tikaf pada 10 malam terakhir Ramadhan kerana sibuk balik kampung dan sibuk membuat persediaan hari raya bukanlah dalil bahawa i'tikaf patut ditinggalkan.

Kaedah Kelapan

الأصل أن إحداث زيادة ما في عبادة من
العبادات لا يفسد العبادة كلها

Pada asalnya, melakukan tambahan dalam
ibadah tidak merosakkan keseluruhan
ibadah tersebut



Kaedah Kelapan:

Pada asalnya, melakukan tambahan dalam ibadah tidak merosakkan keseluruhan ibadah tersebut.

Maksud kaedah ini adalah orang yang melakukan tambahan (atau bid'ah idhafiyyah) kepada sesuatu ibadah, tidaklah merosakkan seluruh ibadah tersebut.

Contohnya, selepas memberi salam dalam solat, imam di Malaysia akan membaca zikir jama'i (zikir secara beramai-ramai), doa jama'i, selawat beramai-ramai, dan berjabat salam beramai-ramai.

Tambahan-tambahan ini tidaklah merosakkan solat yang dilakukan sebelumnya.

Dalil dalam bab ini adalah:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:
مَنْ عَمِلَ عَمَلاً لَّيْسَ عَلَيْهِ أَمْرُنَا فَهُوَ رَدٌّ

Daripada `A'isyah radhiyallahu `anha, katanya: Rasulullah ﷺ pernah bersabda: "Sesiapa yang

mengamalkan satu amalan yang bukan berasal daripada urusan (agama) kami, maka ia tertolak.⁽¹⁾"

Menurut Ibn Rajab⁽²⁾ rahimahullah:

Sekiranya tambahan yang tidak disyari`atkan itu ditambah kepada ibadah yang disyari`atkan, maka tambahan tersebut tertolak. Yakni, tambahan tersebut tidak mendekatkan diri pelakunya hampir kepada Allah, dan boleh membatalkan amalan yang disyari`atkan, sebagaimana orang yang sengaja menambah bilangan raka`at solat, maka terbatallah ibadah solat tersebut.

RUMUSAN

Hukum asal, bid`ah tambahan tidak membatalkan keseluruhan ibadah jika tambahan tersebut mempunyai nas.

Contohnya, bersalaman secara beramai-ramai selepas solat memang bid`ah tambahan, namun perbuatan ini tidak menjelaskan solat keseluruhannya, kerana bersalaman itu memang disyari`atkan dalam kehidupan umat Islam.

¹ Diriwayatkan oleh Muslim (1718).

² Ibn Rajab, Jami` Al-`Ulum wa Al-Hikam, halaman 158.

Namun, ada ketika sesuatu tambahan itu membatalkan ibadah, contohnya orang yang sengaja menambah bilangan raka`at solat.

Contohnya, dia mengerjakan solat Maghrib 4 raka`at dengan sengaja.

Kaedah Kesembilan



العبادة التي أطلقها الشارع لا يشرع
تقييدها بزمان أو مكان أو صفة أو عدد

Ibadah yang disebutkan secara mutlak
tidak boleh diikat dengan masa, tempat,
sifat atau bilangan tertentu

Kaedah Kesembilan:

Ibadah yang disebutkan secara mutlak tidak boleh diikat dengan masa, tempat, sifat atau bilangan tertentu.

Sesuatu ibadah mutlak akan menjadi bid`ah apabila dikaitkan dengan masa, tempat, sifat dan bilangan, tanpa adanya dalil syara`.

Contoh ibadah yang diikat dengan:

1. Masa: mengerjakan solat 100 raka`at pada malam Nisfu Sya`ban.
2. Tempat: membaca Al-Qur'an di kuburan.
3. Sifat: berpuasa wishal atau puasa setiap hari.
4. Bilangan: membaca surah Yasin tiga kali pada malam Nisfu Sya`ban.

Menurut Abu Syamah Asy-Syafi'i⁽¹⁾ rahimahullah:

Tidak patut mengkhususkan ibadah pada waktu-waktu tertentu yang tidak pernah dinyatakan oleh syara`, bahkan amalan ibadah boleh dilakukan pada bila-bila masa. Ibadah yang dinyatakan secara khusus, misalnya puasa hari

¹ Abu Syamah, Al-Ba`its `ala Inkar Al-Bida` wa -Hawadits, halaman 165.

‘Arafah, puasa pada 10 Muharam (‘Asyura’), solat sepertiga malam, umrah di bulan Ramadhan, 10 Dzu Al-Hijjah, dan Lailat Al-Qadr yang kelebihannya melebihi 1000 bulan.

Ini menjawab isu kebiasaan orang ramai menetapkan ibadah tertentu yang dikaitkan dengan tempat, sifat, dan bilangan, tanpa dalil syara’, melainkan daripada kasyaf, mimpi dan hadits palsu.

Contohnya, doa awal dan akhir tahun Hijrah, membuat bubur ‘Asyura, membaca Yasin setiap malam Jumaat, membaca Yasin 40 kali, membaca Al-Fatihah 40 kali, solat hajat perdana sempena SPM, solat tasbih pada malam raya, solat dan Yasin pada malam Nisfu Sya’ban. Semua ini merupakan penetapan tanpa dalil syara’ yang sah.

Kaedah Kesepuluh

Ibadah yang tsabit atas sifat tertentu,
tidak boleh difokuskan kepada bahagian
tertentu, dan tidak melakukan
kesemuanya adalah bid'ah

ما ثبت على صفة معينة من
العبادات فان الاقتصار على جزء معين
من تلك العبادة دون الإتيان بها بكاملها
يعتبر بدعة

Kaedah Kesepuluh:

Ibadah yang tsabit atas sifat tertentu, tidak boleh difokuskan kepada bahagian tertentu, dan tidak melakukan kesemuanya adalah bid'ah.

Ibadah yang tsabit daripada syara` dalam sifat tertentu, maka kekallah ia dalam sifat tersebut.

Sekiranya manusia melakukan sebahagian sahaja, ini dianggap sebagai bid'ah.

Menurut Abu Syamah Asy-Syafi`i⁽¹⁾ rahimahullah:

Ibadah yang tsabit dengan sifat tertentu, misalnya wukuf di `Arafah, bermalam di Mina, melontar jamrah, sa`i antara Ash-Shafa dan Al-Marwah adalah ibadah yang tsabit dengan sifat dan waktu yang tertentu, maka kita tidak boleh melakukan sebahagian sahaja daripada ibadah tersebut. Jika dilakukan, maka ia menjadi bid'ah.

Menurut Ibn Rajab⁽²⁾ rahimahullah:

Tidak semua amal ibadah boleh mendekatkan diri kepada Allah secara mutlak

¹ Abu Syamah, Al-Ba`its `ala Inkar Al-Bida` wa -Hawadits, halaman 191.

² Ibn Rajab, Jami` Al-`Ulum wa Al-Hikam, halaman 157.

(yakni, hanya dengan melakukan ibadah, belum pasti akan mendekatkan diri kepada Allah). Nabi ﷺ pernah melihat seorang lelaki berdiri di bawah panas matahari, lalu baginda bertanya tentang lelaki tersebut. Para sahabat menjawab bahawa lelaki itu bernazar akan berpuasa dalam keadaan berdiri di bawah panas matahari. Lantas Nabi ﷺ memerintahkan lelaki itu supaya berhenti daripada perbuatan tersebut.

Tindakan ekstrem dalam beribadah tidak mendekatkan manusia kepada Allah ﷺ, bahkan menjadi bid'ah.

Padahal, berdiri di tengah panas boleh pula dilakukan ketika di `Arafah bagi orang yang berihram, atau bagi orang yang ingin mengerjakan Haji (dibolehkan untuk solat di tengah panas di `Arafah).

Ada pun di waktu lain, solat atau berpuasa di bawah panas terik matahari adalah perbuatan bid'ah.

"Ekstrem" di `Arafah adalah tsabit, manakala orang lain yang ingin solat di bawah panas matahari di tempat lain menjadi bid'ah dalam agama.

Kaedah Kesebelas

لا يشرع استعمال طريقة جديدة
لدعوة الناس إلى عبادة ربهم

Tidak disyari`atkan penggunaan teknik-teknik baru dalam menyeru manusia untuk beribadah kepada

Rabb mereka

Kaedah Kesebelas:

Tidak disyari'atkan penggunaan teknik-teknik baru dalam menyeru manusia untuk beribadah kepada Rabb mereka.

Dalil untuk kaedah ini:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَّنَا عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ
لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا¹

Pada hari ini, Aku telah sempurnakan untuk kalian agama kalian, dan Aku telah cukupkan kepada kalian nikmat-Ku, dan Aku telah redha Islam menjadi agama kalian⁽¹⁾.

Islam telah lengkap dan sempurna, Nabi ﷺ wafat selepas baginda menyampaikan semua yang perlu disampaikan kepada manusia.

Antara kesempurnaan Islam adalah teknik atau metode dalam menyampaikan da'wah kepada manusia.

¹ Surah Al-Ma'idah (5), ayat 3.

Apa jua teknik da`wah yang tidak digunakan oleh Nabi ﷺ, sedangkan tiada halangan untuk baginda menggunakannya, maka jika digunakan akan menjadi bid`ah dalam metode berda`wah.

Contohnya, Nabi ﷺ tidak menggunakan metode menyanyi dalam da`wah, sedangkan tiada halangan untuk baginda berbuat demikian.

Sekiranya ada manusia yang menggunakan metode menyanyi untuk da`wah, maka ia menjadi bid`ah da`wah.

Ibn Taimiyyah rahimahullah pernah ditanya mengenai seorang syaikh (tareqat) yang ingin mengembalikan masyarakatnya yang banyak melakukan maksiat dengan mengadakan majlis ilmu yang diisi dengan qasidah, nyanyian, puisi dan pukulan alat muzik. Hasil inovasi syaikh tersebut, ramai orang yang telah insaf dan kembali ke pangkal jalan. Jawab Ibn Taimiyyah, Nabi ﷺ dan salaf ash-shalih telah menghadapi masyarakat yang jauh lebih teruk, namun mereka tidak pernah menganjurkan majlis-majlis seperti itu⁽²⁾.

² Ibn Taimiyyah, Majmu` Al-Fatawa (11/620-625).

Mungkin mereka mengatakan nyanyian, sayembara puisi, lakonan, rancangan TV realiti da`wah (seperti Pencetus Ummah, Da'i Millenia, Imam Muda) telah berjaya menarik jutaan manusia dan ramai yang telah insaf.

Namun, ia tetap bid`ah kerana da`wah hendaklah kekal atas metode asal Nabi ﷺ, bersih daripada sebarang bentuk unsur hawa nafsu seperti muzik, nyanyian dan populariti.

Bagaimana pula dengan penggunaan media baru untuk da`wah seperti Youtube, *websites*, blog, *Twitter*, *Telegram*, *WhatsApp*, TV, *live stream*, radio sunnah di internet, DVD, dan kaset?

Jawapan: Maksud kaedah kesebelas ini adalah sebarang teknik da`wah yang ada di zaman Nabi ﷺ, Nabi tiada halangan dan tidak dihalang untuk menggunakan, namun Nabi memilih untuk tidak menggunakan.

Sedangkan, alat media baru seperti yang dinyatakan di atas, tiada di zaman Nabi ﷺ, baginda terhalang daripada memanfaatkannya kerana teknologi tersebut belum wujud lagi pada zaman baginda.

Maka, alat atau media yang baru yang tiada di zaman Nabi dan salaf, sekiranya kita ingin menggunakaninya dalam da`wah, ini tidaklah tercela dan bukan bid`ah.

RUMUSAN

Bid`ah dalam da`wah adalah penggunaan metode yang sudah ada di zaman salaf ash-shalih, namun Nabi ﷺ tidak menggunakannya. Sekiranya kita melakukan metode tersebut dalam da`wah, ia menjadi bid`ah.

Apa jua teknik, media yang tidak wujud di zaman salaf yang terbukti baik dan berkesan untuk da`wah, maka harus untuk kita menggunakaninya, dan ia bukanlah bid`ah.

Kaedah Kedua Belas

Amalan ibadah yang dilakukan oleh Sahabat Nabi ﷺ merupakan ibadah yang disyari`atkan, dan tidak dianggap sebagai bid`ah

ما جاء عن أحد من الصحابة فعمل عبادة
ما فإن تلك العبادة يُشرع فعلها
ولا تعتبر بدعة



Kaedah Kedua Belas:

Amalan ibadah yang dilakukan oleh Sahabat Nabi ﷺ merupakan ibadah yang disyari`atkan, dan tidak dianggap sebagai bid`ah.

Sesuatu amalan yang dilakukan oleh salah seorang daripada Sahabat Nabi ﷺ bukanlah bid`ah, bahkan disyari`atkan untuk mengamalkannya.

Kadang-kadang, terdapat amalan ibadah yang tidak dilakukan oleh Nabi ﷺ, namun dilakukan oleh sahabat baginda. Maka, apakah status amalan tersebut; bid`ah atau sunnah?

Jawapan: Sahabat Nabi ﷺ adalah umat yang terbaik, amat bersungguh-sungguh dalam mengamalkan sunnah, dan sudah pasti bersungguh-sungguh dalam menjauhi bid`ah.

Maka, sekiranya ada Sahabat Nabi yang melakukan sesuatu amalan, kita juga boleh mengamalkannya tanpa khuatir.

Namun, sekiranya anda ingin mengamalkan amalan para Sahabat Nabi ﷺ, terdapat dua syarat yang perlu dipenuhi, sebagaimana yang disebutkan oleh Al-Albani.

Menurut Al-Albani⁽¹⁾ rahimahullah:

Setiap perkara yang tidak mungkin disyari`atkan kecuali dengan nas atau tauqif. Sekiranya tiada nas baginya, maka ia adalah bid`ah, melainkan apa yang diamalkan oleh sahabat Nabi, (1) yang kerap kali dilakukan (yakni bukan hanya sekali-sekala), dan (2) tidak diingkari oleh para Sahabat Nabi yang lain.

Contohnya, amalan Abu Sa`id Al-Khudri membaca surah Al-Kahf pada hari Juma`at, yang tidak dibantah oleh sahabat lain. Begitu juga perbuatan menulis (nama dan tarikh wafat) pada kubur, ini juga diamalkan oleh sebahagian Sahabat Nabi.

¹ Al-Albani, Ahkam Al-Jana'iz, halaman 306.



Kaedah Ketiga Belas

Melakukan ibadah bukan dalam sifat atau
sebab ia disyari`atkan, maka menjadi
bid`ah

فَعْلُ الْعِبَادَةِ عَلَىٰ غَيْرِ الصَّفَةِ الَّتِي وَرَدَتْ
بِهَا أَوْ غَيْرِ السَّبْبِ الَّتِي وَرَدَتْ مِنْ أَجْلِهِ
تَعْتَبَرُ بَدْعَةً

Kaedah Ketiga Belas:
Melakukan ibadah bukan dalam sifat
atau sebab ia disyari`atkan,
maka menjadi bid`ah.

Sesuatu ibadah yang telah ada sifat tertentu, maka kita wajib melaksanakannya dengan sifat tersebut. Sekiranya kita mengubah sifat ibadah tersebut, maka ia menjadi bid`ah.

Contoh ibadah sifat: azan. Azan yang dilakukan di zaman Nabi ﷺ dalam bentuk dan sifat yang tertentu. Namun, pada zaman kini, terdapat golongan yang menambah-nambah, misalnya Syì'ah yang menambah syahadah kepada `Ali dalam azan, juga azan dilakukan dengan taranum yang melampau (terlalu panjang, meleret-leret, dan berlebihan dalam berlagu).

Contoh sebab: solat Istikharah. Solat ini dilakukan untuk sesuatu urusan yang tidak jelas (sama ada perlu dilakukan atau tidak), atau pilihan yang mana satu (antara pilihan A dan pilihan B).

Sedangkan, dalam urusan yang sudah maklum, misalnya sama ada "Aku perlu kawin atau membujang...", sekiranya melakukan solat Istikharah, ini dianggap bid'ah, kerana ini bukanlah sebab didirikan solat tersebut.

Contoh sebab: tahlil. Tahlil adalah zikir yang utama. Asalnya, ia adalah zikir untuk mendekatkan diri seseorang kepada Allah ﷺ. Namun, apabila ia dilakukan secara jama'i (berjama'ah) dan pahalanya dipindahkan kepada arwah tertentu, maka ia menjadi bid'ah.

Kaedah Keempat Belas



لَا يُشَرِّعُ التَّقْرِبُ إِلَيْهِ بِالْمُبَاحَاتِ

Tidak disyari`atkan beribadah
dengan perkara yang harus

Kaedah Keempat Belas:
Tidak disyari`atkan beribadah
dengan perkara yang harus (mubah).

Menurut Ibn Taimiyyah⁽¹⁾ rahimahullah:

Sesungguhnya apa yang mubah (harus), kekallah sebagai harus. Jika amalan mubah dijadikan sesuatu kewajipan atau sunat, maka ia adalah bid`ah atau menjadikan sesuatu itu ibadah yang tidak disyari`atkan.

Maka, perkara mubah, sunat, dan wajib diletakkan mengikut apa yang telah ditetapkan oleh Allah dan Rasul. Sama seperti yang halal dan haram, ia mesti mengikut apa yang telah ditetapkan oleh Allah.

Contoh perkara yang mubah, namun dijadikan sunat adalah capal (alas kaki) Nabi ﷺ. Memakai selipar adalah perkara mubah (harus), begitu juga berkaki ayam.

Maka, menjadikan capal sebagai perkara yang sunat dan mendekatkan diri kepada Allah dengannya

¹ Ibn Taimiyyah, Majmu` Al-Fatawa (11/450).

adalah sesuatu kebodohan tentang syari`at dalam menentukan apa yang mubah, sunat dan wajib.

Menurut Ibn Taimiyah lagi:

Ada `ulama' yang mengatakan: "Apabila sesuatu amalan itu tidak diharamkan, maka tiada tegahan untuk melakukannya, bahkan melakukannya adalah harus."

Sebenarnya, melakukan amalan yang asalnya mubah, kemudian menjadikannya amalan agama, baik secara niat atau amalan, adalah perbuatan bid`ah yang tercela.

Contohnya, tahlil arwah. Mereka menyatakan tahlil arwah adalah amalan yang tidak diharamkan, kerana tiada tegahan daripada Al-Qur'an atau Sunnah.

Kemudian, mereka menukar amalan tersebut kepada sedekah dan doa kepada si mati, dengan kata lain tahlil arwah sebagai amalan agama.

RUMUSAN

Bid`ah hukumnya apabila kita menjadikan perkara mubah sebagai ibadah sunat atau wajib.

Bid`ah juga hukumnya apabila kita menjadikan sesuatu amalan yang tidak dilarang oleh syara` sebagai ibadah.

Kaedah Kelima Belas



المصلحة المرسلة

ليست من البدعة في شيء

Mashlahah mursalah bukanlah bid'ah

Kaedah Kelima Belas:

Mashlahah mursalah bukanlah bid`ah.

Mashlahah ialah apa-apa yang memberi kebaikan dan menolak keburukan bagi manusia.

Mursalah pula ialah lepas bebas.

Oleh itu, mashlahah mursalah ialah setiap manfaat yang padanya terdapat tujuan syara` secara umum, namun tidak terdapat dalil secara khusus yang menerima atau menolaknya.

Contoh mashlahah mursalah:

1. Pemilihan Abu Bakar radhiyallahu `anhu sebagai khalifah pertama yang menggantikan Rasulullah ﷺ. Khalifah amat penting, namun metode memilih khalifah tidak disebutkan dalam nas.
2. Tindakan `Utsman bin `Affan radhiyallahu `anhu membukukan Al-Qur'an menjadi satu mushaf standard, sedangkan tiada suruhan daripada Nabi ﷺ.

Perbedaan antara mashlahah mursalah dan bid'ah dhalalah:

1. Mashlahah mursalah terdapat dalil umum dan mashlahah bersama untuk menyokongnya. Sedangkan, bid'ah tidak sokong oleh nas.
2. Syara` datang untuk mengukuhkan mashlahah kepada manusia dan menolak mudharat. Sedangkan bid'ah tidak membawa mashlahah, bahkan menambahkan mudharat kepada manusia.
3. Mashlahah mursalah tidak terdapat tuntutan untuk melakukannya pada zaman salaf, atau tuntutan melakukannya ada namun terdapat halangan bagi mereka untuk melakukannya. Sedangkan bid'ah tiada halangan untuk melakukannya pada zaman salaf, namun salaf sengaja tidak melakukannya.

Menurut Asy-Syinqithi⁽¹⁾ rahimahullah:

Para sahabat radhiyallahu `anhuma banyak menggunakan kaedah mashalih mursalah, selagi mana tiada dalil yang menghapuskannya, dan tidak bertentangan dengan mudharat yang kuat atau yang sama dengannya.

Namun, penggunaan mashalih mursalah perlu dilakukan dengan ketelitian, agar tidak

¹ Asy-Syinqithi, Al-Mashalih Al-Mursalah, halaman 21.

bertembung dengan mashlahah yang lebih besar, atau bertembung dengan mudharat yang lebih kuat.

Contoh mashalih mursalah adalah membina penjara, mencetak mata wang kertas, menyusun sistem pentadbiran kerajaan menjadi kementerian.

Walau pun ini tidak wujud pada zaman salaf, namun ia menjadi mashalih di zaman kini, dan ia bukan bid'ah.

RUMUSAN

Ramai orang yang keliru antara mashalih mursalah dengan bid'ah.

Mereka mengatakan menaiki kereta itu bid'ah, pergi ke Makkah untuk menunaikan haji dengan kapal terbang itu bid'ah, memasang penyaman udara juga bid'ah.

Sebenarnya, semua itu dalam urusan kemaslahatan hidup manusia, dan dinamakan mashalih mursalah.

Kaedah Keenam Belas

ليـس كـل مـن وـقـع فـي الـبـدـعـة صـار مـبـتـدـعـاً

Tidak semua pelaku bid'ah secara
automatik menjadi ahli bid'ah



Kaedah Keenam Belas:
Tidak semua pelaku bid'ah
secara automatik menjadi ahli bid'ah.

Menurut Maulana Zakariyya Al-Pakistani⁽¹⁾:

Tidak boleh bermudah-mudahan menghukum seseorang dengan gelaran ahli bid'ah, semata-mata kerana dia terjebak dengan amalan bid'ah. Kemungkinan dia melakukannya kerana kejahilan, atau tersalah, dan bukan disengajakan.

Contohnya, seseorang mengadakan tahlil arwah. Kemungkinan dia melakukannya kerana dia jahil tentang hukum tahlil arwah, atau kerana tekanan daripada masyarakat dan keluarga.

Begitu juga ramai orang yang melakukan solat hajat perdana SPM, mungkin kerana dia jahil atau tekanan daripada pihak sekolah dan PIBG.

¹ Maulana Zakariyya Al-Pakistani, Taudhibh Ushul Al-Fiqh `ala Manhaj Ahl As-Sunnah, halaman 340.

Seseorang boleh dilabel sebagai ahli bid'ah apabila dia melakukan amalan bid'ah dengan sengaja, dan setelah ditegakkan hujah kepadanya.

Ada pun amalan salaf ash-shalih, mereka hanya menghukum amalan tersebut sebagai amalan bid'ah, namun mereka tidak menghukum orang yang melakukannya sebagai ahlil bid'ah, kerana mereka khuatir wujudnya unsur-unsur yang disebutkan sebelum ini (iaitu jahil, tidak sengaja, atau tersalah).

RUMUSAN

Bid'ah hanya dihukum terhadap amalan bid'ah, bukan pelakunya.

Kesimpulan



Kesimpulan

1. Bid`ah hanyalah melibatkan inovasi dalam ibadah, bukannya kreativiti dalam urusan duniaawi.
2. Ibadah hanya boleh dilakukan sekiranya ada dalil syara` yang memerintahkannya, sedangkan adat hanya boleh diharamkan sekiranya ada dalil syara` yang melarangnya.
3. Semua bid`ah adalah sesat, dan pembahagian bid`ah kepada bid`ah wajib, bid`ah sunat, bid`ah haram, bid`ah makruh, dan bid`ah harus adalah pembahagian yang salah.
4. Penggunaan istilah "bid`ah hasanah" oleh sebahagian kaum salaf ash-shalih hanyalah penamaan dari segi lughawi (dari segi bahasa sahaja).
5. Niat yang baik tidak menghalalkan bid`ah.
6. Amalan yang diperselisihan oleh para `ulama' tentang status bid`ahnya, lebih baik ditinggalkan.
7. Amalan majoriti bukanlah hujah.
8. Ibadah mutlak tidak boleh dikaitkan dengan masa, tempat, sifat dan bilangan, tanpa adanya dalil syara`.

9. Amalan para Sahabat Nabi ﷺ yang dilakukan secara berulang-ulang, serta tidak diingkari oleh para sahabat yang bukanlah bid'ah.
10. Perkara mubah (harus) hendaklah dikekalkan sebagai perkara mubah, tidak boleh menjadikannya sebagai ibadah sunat atau wajib.
11. Harus dibezakan antara mashalih mursalah (dibenarkan dalam syara') dan bid'ah dhalalah.
12. Tidak boleh bermudah-mudahan menghukum seseorang dengan gelaran ahli bid'ah, semata-mata kerana dia terjebak dengan amalan bid'ah.

Rujukan



Rujukan

1. **Al-Qur'an Al-Karim.**
2. **Al-Mushannaf `Abd Ar-Razzaq.** `Abd Ar-Razzaq bin Hammam Ash-Shan`ani (wafat 211H). Pentahqiq: Habib Ar-Rahman Al-Azhami. Penerbit: Majlis Al-`Ilmi.
3. **Sunan Ad-Darimi.** Pengarang: `Abdullah bin `Abd Ar-Rahman Ad-Darimi (wafat 255H). Pentahqiq: Husain Salim Asad. Penerbit: Dar Al-Mughni.
4. **Shahih Al-Bukhari.** Pengarang: Muhammad bin Isma`il Al-Bukhari (wafat 256H). Penerbit: Dar Ibn Katsir.
5. **Shahih Muslim.** Pengarang: Muslim bin Al-Hajjaj (wafat 261). Penerbit: Dar Al-Fikr.
6. **Sunan Ibn Majah.** Pengarang: Muhammad bin Yazid bin Majah (wafat 273H). Pentahqiq: Syu`aib Al-Arna'uth. Penerbit: Dar Ar-Risalah Al-`Alamiyyah.
7. **Sunan Abi Dawud.** Pengarang: Abu Dawud Sulaiman bin Al-Asy`ats As-Sijistani (wafat 275H). Pentahqiq: Syu`aib Al-Arna'uth. Penerbit: Dar Ar-Risalah Al-`Alamiyyah.
8. **Al-Jami` Al-Mukhtashar At-Tirmidzi.** Pengarang: Muhammad bin `Isa At-Tirmidzi

- (wafat 279H). Pentahqiq: Dr. Basyar `Awwad. Penerbit: Dar Al-Gharb Al-Islami.
9. **Sunan An-Nasa'i.** Pengarang: Ahmad bin Syu`aib An-Nasa'i (wafat 303H). Pentahqiq: Al-Albani. Penerbit: Maktabah Al-Ma`arif.
 10. **Al-Mu`jam Al-Ausath.** Pengarang: Sulaiman bin Ahmad Ath-Thabarani (wafat 360H). Pentahqiq: Thariq bin `Iwadhullah. Penerbit: Dar Al-Haramain.
 11. **Syarah Ushul I`tiqad Ahl As-Sunnah wa Al-Jama`ah.** Pengarang: Hibbatullah bin Al-Hasan Al-Lalika'i (wafat 418H). Pentahqiq: Ahmad bin Mas`ud. Penerbit: Kementerian Waqaf Arab Saudi.
 12. **Hilyat Al-Auliya' wa Thabaqat Al-Ashfiya'.** Pengarang: Abu Nu`aim Ahmad bin `Abdillah Al-Ashfahani (wafat 430H). Penerbit: Dar Al-Fikr.
 13. **Al-Hawadits wa Al-Bida`.** Pengarang: Abu Bakar Muhammad bin Al-Walid Ath-Thurthusi (wafat 530H), Pentahqiq: `Ali Hasan `Ali `Abd Al-Hamid. Penerbit: Dar Ibn Al-Jauzi.
 14. **Al-Ba`its `ala Inkar Al-Bida` wa Al-Hawadits.** Pengarang: `Abd Ar-Rahman bin Isma`il Abi Syamah Asy-Syafi`i (wafat 665H). Pentahqiq: Masyhur bin Hasan Ali Salman. Penerbit: Dar Ar-Rayah.

15. **Majmu` Al-Fatawa.** Pengarang: Ahmad Ibn Taimiyyah Al-Harrani (wafat 728H). Penerbit: Majma` Al-Malik Fahd.
16. **Iqtidha' Ash-Shirath Al-Mustaqim.** Pengarang: Ahmad Ibn Taimiyyah Al-Harrani (wafat 728H). Pentahqiq: Dr. Nashir bin `Abd Al-Karim. Penerbit: Maktabah Ar-Rusyd.
17. **Al-Furusiyah Al-Muhammadiyyah.** Pengarang: Muhammad bin Abi Bakar Ibn Qayyim Al-Jauziyyah (wafat: 751H). Pentahqiq: Za'id bin Ahmad. Penerbit: Dar `Alim Al-Fawa'id.
18. **Jami` Al-'Ulum wa Al-Hikam.** Pengarang: `Abd Ar-Rahman bin Syihabuddin Ibn Rajab Al-Hanbali (wafat 795H). Pentahqiq: Dr. Mahir Yasin Al-Fahl. Penerbit: Dar Ibn Katsir.
19. **Al-Mashalih Al-Mursalah.** Pengarang: Muhammad Al-Amin bin Muhammad Asy-Syinqithi (wafat 1393H). Penerbit: Al-Jami`ah Al-Islamiyyah, Al-Madinah.
20. **Taudhib Ushul Al-Fiqh `ala Manhaj Ahl Al-Hadits.** Pengarang: Zakariyya bin Ghulam Qadir Al-Pakistani (1393H). Penerbit: Dar Ibn Al-Jauzi.
21. **Ahkam Al-Jana'iz wa Bida'uha.** Pengarang: Muhammad Nashiruddin Al-Albani (wafat 1420H). Penerbit: Maktabah Al-Ma`arif.
22. **Silsilah Al-Ahadits Adh-Dha`ifah wa Al-Maudhu`ah.** Pengarang: Muhammad

- Nashiruddin Al-Albani (wafat 1420H).
Penerbit: Maktabah Al-Ma`arif.
23. **Hajjah An-Nabi ﷺ**. Pengarang: Muhammad Nashiruddin Al-Albani (wafat 1420H).
Penerbit: Maktab Al-Islami.
24. **Al-Qaul Al-Mufid fi Adillat At-Tauhid**.
Pengarang: Muhammad bin `Abd Al-Wahhab Al-Wushabi (wafat 1436H). Penerbit: Dar Ibn Hazm.